

KUCHING, 5 SEPT. (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI YAKIN BAHAWA BARISAN NASIONAL AKAN MENCAPAI KEMENANGAN 100 PERATUS DALAM PILIHANRAYA NEGERI SARAWAK.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SETIPANYA DI SINI UNTUK LAWATAN DUA HARI BAGI MEMBANTU KEMPEN PILIHANRAYA, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT NEGERI SARAWAK HENDAKLAH MENDENGAR KATA-KATA YANG MEMPUNYAI ALASAN DAN BUKAN DARI MEREKA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.

TAMBAHNYA, DENGAN CARA DEMIKIAN MEREKA BOLEH MEMBANTU BARISAN NASIONAL MEMPEROLEH KEMENANGAN 100 PERATUS.

AGAIMANAPUN, BELIAU MENEGASKAN BN PERLU LEBIH BERHATI-HATI DI SETENGAH KAWASAN UNTUK MENENTUKAN KEMENANGANNYA.

—BERSAMBUNG 1905/AH

MAHATHIR 2 KUCHING 金'金'金'

MENGENAI DAP, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARTI TERSEBUT TELAH MELETAKKAN CALONNYA DI SETENGAH-SETENGAH KAWASAN EKSLUSIF DENGAN HARAPAN MENDAPATKAN SOKONGAN PERKAUMAN UNTUK MENCAPAI KEMENANGAN.

KATANYA, SESEBUAH PARTI POLITIK YANG BERLANDASKAN PERKAUMAN TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT DI NEGARA INI.

+PARTI POLITIK SEUMPAMA ITU MEMANG GEMAR BERMAIN SENTIMEN PERKAUMAN UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI+, UJARNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP RAKYAT NEGERI INI TIDAK AKAN TERPENGARUH DENGAN PUCUK PIMPINAN DAP YANG KINI MENGEMBANGKAN KEPAKNYA KE SARAWAK.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, HASIL LAWATANNYA KE LUAR NEGERI BAGI MENGGALAKKAN PERDAGANGAN AKAN MEMBANTU SARAWAK DAN LAIN-LAIN NEGERI DALAM RANCANGAN PEMBANGUNAN EKONOMI MASING-MASING.

BELIAU MERASAKAN BAHAWA SARAWAK AKAN MENDAPAT +BAHAGIAN YANG BESAR+ DARIPADA ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN YANG DIPIMPINNYA TERUTAMA SEKIRANYA NEGERI INI BERHASIL MELAKSANAKAN PROJEK ALUMINIUM.

—BERSAMBUNG 1915/BY

££

B612

MAHATHIR 3 KUCHING 金'金'金'

BELIAU MENYATAKAN PROJEK TERSEBUT AKAN MENELAN BELANJA KIRA-KIRA \$1,000 JUTA UNTUK DILAKSANAKAN.

MENYENTUH TENTANG MINYAK TANAH, BELIAU YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA BAHAWA BELIAU TELAH MENGARAHKAN PARA PEGAWAI KEMENTERIAN ITU MEMBINCANGKAN PERKARA TERSEBUT DENGAN PIHAK BERKUASA NEGERI.

TURUT SERTA DALAM LAWATAN ITUIALAH MENTERI PERUSAHAAN AWAM DATUK ABDUL MANAN OSMAN DAN KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA, HAJI SUHAIMI DATUK HAJI KAMARUDDIN.

KETIBAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DISAMBUT OLEH KETUA MENTERI DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL RAHMAN YAKUB DAN LAIN-LAIN PEMIMPIN BN NEGERI SERTA PARA PEGAWAI KANAN KERAJAAN.

—BERNAMA 1914/AH